

FUNGSI BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN

UNIT PEMBANGUNAN FIZIKAL

- Merancang dan menyelaraskan perancangan Pembangunan Fizikal Daerah.
- Memantau keseluruhan projek-projek yang diluluskan untuk pelaksanaan di Bahagian Pembangunan Fizikal, Pejabat Daerah Seberang Perai Selatan.
- Menjalankan siasatan bagi cadangan projek daripada YB Parlimen, ADUN, JKKK dan orang ramai untuk anggaran peruntukkan pembangunan dapat disediakan mengikut keperluan projek.
- Menyediakan dokumen tawaran sebutharga, borang projek serta borang pengesahan untuk proses pelaksanaan dan pembayaran projek.
- Menyediakan laporan dalam perbincangan bersama pegawai mengenai projek semasa.
- Membuat lawatan tapak untuk penyediaan, penyeliaan, pengawasan kemajuan dan pengesahan projek.
- Memantau laporan prestasi kontraktor
- Melulus pendaftaran kontraktor, mengemaskini maklumat Sijil Pendaftaran Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Sijil Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF) melalui sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
- Memantau pelaksanaan projek kemajuan di daerah melalui Sistem Pemantauan Projek Negeri (SPPN).